

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU**

**(BATU GAJAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.03.2016**

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selain daripada pendapatan isi rumah, apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan seseorang itu hilang kelayakan untuk mendapat bantuan BR1M. Berapakah permohonan BR1M yang telah ditolak bagi tahun 2016, nyata secara pecahan berdasarkan sebab penolakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Kewangan melalui agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri akan membuat semakan semula permohonan BR1M termasuk penerima sedia ada pada setiap tahun. Cara ini adalah bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M. Disamping itu, Kerajaan juga melaksanakan proses verifikasi secara menyeluruh pada setiap tahun dengan membuat semakan data-data bersama pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan permohonan BR1M 2016 ditolak. Pada tahun 2016, hampir 1.2 juta permohonan ditolak atas beberapa alasan utama seperti berikut:

| <b>Bil</b> | <b>Faktor Permohonan BR1M ditolak</b>   | <b>Peratus</b> |
|------------|---|----------------|
| 1          | Semakan data agensi mendapati pemohon individu mempunyai pendapatan melebihi RM2,000  | 24%            |
| 2          | Semakan data agensi mendapati pemohon isi rumah mempunyai pendapatan melebihi RM4,000 | 21%            |
| 3          | Pemohon disenaraikan sebagai penerima Baucar Buku 2016                                | 15%            |
| 4          | Pemohon/pasangan telah wujud sebagai pemohon/pasangan permohonan lain (duplikasi)     | 10%            |

|   |  |     |
|---|--|-----|
| 5 | Maklumat pasangan berbeza dengan data Jabatan Pendaftaran Negara dan memerlukan pengesahan | 10% |
| 6 | Sebab-sebab lain   | 20% |

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan masih memberi ruang kepada pemohon yang gagal untuk membuat rayuan di semua cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan mulai 15 Mac hingga 15 April 2016. Perkara ini juga telah dinyatakan di dalam surat yang dihantar kepada pemohon yang gagal dan juga dimaklumkan dalam sistem e-BR1M di laman sesawang Lembaga Hasil Dalam Negeri.